

## **STRATEGI DAN CABARAN MUBALIGH SIDANG INJIL BORNEO (SIB) DALAM DAKWAH KRISTIANISASI MASYARAKAT DUSUN DI RANAU (1937-1990)**

*The Strategies and Challenges of Borneo Evangelical Mission (BEM)  
Missionaries in Christian Evangelism among the Dusun Community in  
Ranau (1937-1990)*

**Johnnatan Jolius**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Johnnatan\_jolius\_ma23@iluv.ums.edu.my*

*Dihantar: 18 Nov. 2024 / Diterima: 30 Nov 2024 / Terbit: 31 Disember 2024*

### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan strategi dan cabaran yang dihadapi oleh para mubaligh Sidang Injil Borneo (SIB) atau *Borneo Evangelical Mission (BEM)* dalam usaha Kristianisasi di Ranau pada tahun 1937 hingga 1990. Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis pendekatan mubaligh SIB dalam menyebarkan ajaran agama Kristian kepada masyarakat Dusun yang pada waktu itu belum terdedah kepada ajaran tersebut. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk kepada tulisan-tulisan para mubaligh terdahulu, dokumentari berkaitan mubaligh SIB, serta temu bual bersama pemimpin gereja SIB. Kajian ini mendapati bahawa strategi dakwah Kristianisasi yang dilaksanakan oleh mubaligh SIB menonjolkan kebijaksanaan mereka dalam memahami budaya dan keperluan masyarakat tempatan. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk halangan budaya dan geografi, usaha berterusan mereka membawa hasil yang signifikan dalam penyebaran agama Kristian di Ranau.

**Kata Kunci:** Sidang Injil Borneo, Strategi, Cabaran

### **Abstract**

*This article examines the strategies employed and challenges encountered by missionaries of the Borneo Evangelical Mission (BEM), also known as Sidang Injil Borneo (SIB), in their Christian evangelism efforts in Ranau from 1937 to 1990. The study focuses on analyzing the approaches and difficulties faced by SIB missionaries in spreading Christianity among the Dusun community in Ranau. Drawing upon early missionary writings, related documentaries, and interviews with SIB church leaders, the research highlights the missionaries' adeptness in engaging with the Dusun community, who were previously unfamiliar with Christianity. Despite encountering significant challenges, including cultural and logistical barriers, these obstacles did not impede the expansion of Christianity in Ranau.*

**Keywords:** *Borneo Evangelical Mission, Strategies, Challenges*

### **Pengenalan**

Sebelum kehadiran mubaligh Sidang Injil Borneo (SIB) atau *Borneo Evangelical Mission (BEM)* ke Sabah, masyarakat Dusun dikatakan masih mengamalkan amalan-amalan tradisional merangkumi kepercayaan terhadap kewujudan roh atau semangat di sekeliling mereka termasuk di dalam kawasan hutan, kawasan sungai malah pokok-pokok yang berhampiran mereka juga dianggap sebagai benda hidup yang mempunyai semangat. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat pada ketika itu mempercayai hal-hal yang bersifat mistik dan supernatural. Jika dilihat dari aspek gaya hidup pula, mereka mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat seperti mengambil minuman yang memabukkan sehingga mereka yang mempunyai gaya hidup sedemikian dilabelkan sebagai manusia yang hina oleh di Borneo oleh mubaligh Kristian terdahulu (Shirley Lees, 1993:66). Sama ada wanita atau lelaki, kedua-duanya mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat dan menjelaskan pertumbuhan penduduk masyarakat Dusun.

Keadaan masyarakat Dusun khususnya di Ranau mendatangkan kerisauan kepada mubaligh SIB. Hal ini dikatakan demikian kerana, gaya hidup mereka yang tidak sihat mendorong kepada kepupusan bangsa mereka akibat gaya hidup yang tidak sihat. Oleh itu, mubaligh SIB atau BEM mengirim mubaligh ke Borneo Utara khususnya kawasan Ranau bagi memulakan dakwah Kristianisasi. Dakwah Kristianisasi atau

*evangelism* merupakan tindakan menyampaikan Berita Baik atau Injil (McClymond, 2011:341-354). Hal ini merupakan seruan yang penting untuk dilaksanakan dalam agama Kristian. Mubaligh BEM menyahut seruan ini dan menjalankan proses dakwah tersebut dengan menggunakan pelbagai strategi yang berpotensi untuk menarik minat masyarakat Dusun di Ranau untuk memeluk agama Kristian. Namun begitu, usaha ini tidak mudah kerana wujudnya beberapa cabaran sepanjang mereka menjalankan dakwah Kristianisasi dalam kalangan masyarakat Dusun di Ranau.

### **Mubaligh Kristian SIB Di Ranau**

Sebelum memulakan misi di Ranau, semua mubaligh di bawah organisasi Borneo Evangelical Mission (BEM) berkumpul di Lawas, Sarawak, yang merupakan pusat utama misi BEM. Perjumpaan ini bertujuan untuk membincangkan dan menentukan lokasi-lokasi sasaran bagi dakwah Kristianisasi. Dalam pertemuan tersebut, empat mubaligh telah diputuskan untuk ditempatkan di daerah Ranau. Mereka adalah John Trevor White, yang dikenali oleh masyarakat Dusun sebagai Pendeta Asang; Alan Belcher, yang dipanggil Maripa; Stafford Young, yang disebut Tuan Iyang; dan Hudson Southwell, yang dikenali sebagai Tuan Sapu.

Pada bulan Mac 1940, mubaligh SIB mula menjalankan kegiatan dakwah di beberapa kampung di Ranau, seperti Marakau, Matan, dan Tudangan (Biun, 1991: 4-5). Dakwah mereka kemudian meluas ke kampung-kampung lain, termasuk Gana-Gana, Bandukan, dan Nampasan Lama. Ini menunjukkan bahawa kegiatan dakwah Kristianisasi oleh mubaligh SIB di Ranau berkembang pesat dan melibatkan kawasan-kawasan pedalaman. Mereka menekankan bahawa bukan sahaja kawasan bandar, tetapi juga komuniti kampung dan pedalaman memerlukan perhatian misi Kristianisasi. Pelbagai strategi telah diambil untuk mencapai matlamat ini sejak mubaligh SIB memulakan operasi di Ranau.

### **Strategi Dakwah Kristianisasi Mubaligh SIB**

Mubaligh SIB di Ranau dianggap bijak kerana mereka berjaya menggabungkan cara hidup masyarakat tempatan dengan ajaran

Kristian untuk menarik minat masyarakat Dusun kepada agama tersebut. Penyesuaian ini dilakukan dengan memahami dan menghormati budaya tempatan, sehingga menciptakan daya tarik yang kuat terhadap ajaran Kristian. Sebagai contoh, mubaligh SIB menggunakan pendekatan personal untuk menarik pemimpin masyarakat tempatan. Salah satu kejayaan besar strategi ini adalah mempengaruhi Encik Bali Atong, ketua Kampung Namaus, dan isterinya untuk memeluk agama Kristian (Juhirin, 2010: 19-21). Kejayaan ini membuktikan bahawa mubaligh SIB tidak hanya menyesuaikan strategi mereka dengan budaya tempatan tetapi juga berhasil menjangkau pemimpin berpengaruh, yang kemudiannya mempermudah penyebaran agama Kristian dalam komuniti tersebut.

Strategi mubaligh SIB meliputi empat aspek iaitu Pendekatan Peribadi dengan membina hubungan erat dengan masyarakat dan pemimpin tempatan. Seterusnya adalah penghormatan terhadap Budaya Tempatan dengan menyesuaikan elemen dakwah dengan adat dan kepercayaan masyarakat Dusun. Diikuti dengan penekanan pada Kawasan Pedalaman yang berfokus tidak hanya pada kawasan bandar tetapi juga pada kampung-kampung terpencil. Melalui strategi-strategi ini, mubaligh SIB mampu memperluas pengaruh mereka dan memperkuatkan komuniti Kristian di Ranau. Muzium Perubatan UMS dikenali sebagai salah satu destinasi yang menarik dan informatif kepada pelawat yang hadir ke Universiti Malaysia Sabah. Muzium ini telah diwujudkan di bawah penyeliaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan telah dibangunkan pada 14 April 2010. Fasa awal penubuhan muzium ini telah dirasmikan sendiri oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang pertama iaitu Prof. Dr Osman Ali bersama dengan Naib Canselor UMS iaitu Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman. Pada mulanya, bangunan pertama muzium perubatan bertempat di belakang bangunan Pusat Rawatan Warga (PRW), namun selepas bangunan fakulti telah disiapkan, muzium perubatan UMS telah dipindahkan ke Fakulti Perubatan sehingga kini.

### **i. Mengajar Lagu Kerohanian**

Para mubaligh SIB menyedari bahawa masyarakat Dusun mempunyai kecintaan yang mendalam terhadap nyanyian, terutamanya dalam acara-acara pesta. Oleh itu, mereka mengambil peluang ini untuk mengajarkan lagu-lagu kerohanian dalam bahasa Dusun. Langkah ini tidak hanya memperkenalkan aspek kerohanian, tetapi juga menambah minat terhadap agama Kristian. Selain menyanyi, masyarakat Dusun

diajar untuk bermain alat muzik, terutama gitar kayu. Ini memberi kesan yang besar dalam mencipta suasana yang meriah semasa ibadah gereja, menarik lebih ramai orang Dusun untuk hadir. Tindakan ini berkesan, seperti yang dilaporkan oleh Noreen (2009), yang mencatatkan bahawa masyarakat Dusun di kawasan Taginambur juga tertarik kepada Kristianisasi melalui pendekatan yang sama yang diterapkan oleh mubaligh SIB di bawah pimpinan Nell Young (Temubual bersama Missah Yabis, 30 Oktober 2024).



**Foto 1: Nell Young**  
Sumber: Peter Elliot (1997)

## **ii. Melakukan Lawatan Rumah**

Salah satu strategi penting yang digunakan oleh mubaligh SIB adalah lawatan rumah. Dalam usaha untuk lebih dekat dengan masyarakat, mubaligh SIB membuat lawatan ke kampung-kampung pedalaman. Sebagai contoh, pada tahun 1946, John Trevor White dan Kentuni Giwar mengunjungi Kampung Gana-Gana, di mana 35 orang Dusun bersedia untuk dibaptis dan memeluk agama Kristian. Lawatan ini diteruskan ke kampung-kampung lain seperti Kampung Kepangian, Giring-Giring, Suminopod, Waang, dan Paus (Dokumentari oleh Alan White, 2018). Kegiatan lawatan ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat Dusun, yang merasa dihargai dan diberi perhatian. Kejayaan lawatan ini menunjukkan bahawa mubaligh SIB sanggup

menghadapi cabaran perjalanan jauh demi memperkenalkan ajaran Kristian.

### **iii. Melakukan Kegiatan Doa**

Kegiatan doa juga merupakan strategi yang penting dalam dakwah SIB. Para mubaligh SIB menggunakan peluang untuk mendoakan orang yang sakit, dan kesembuhan yang dialami oleh pesakit menarik lebih ramai orang untuk memeluk agama Kristian. Salah satu kisah yang mengesankan adalah mengenai Encik Dayeh Bantasan, yang tidak dapat bangun dari katil, tetapi selepas didoakan oleh Pendeta Asang dan Kentuni Giwar, beliau boleh berjalan menggunakan tongkat. Kejadian ini menjadi titik tolak bagi lebih ramai masyarakat Dusun untuk mengikuti jejak Encik Dayeh dan memeluk Kristian (Ghazali, 1999:73).

### **iv. Pembukaan Sekolah Teologi**

Selain daripada kegiatan keagamaan, mubaligh SIB juga memberi fokus kepada pendidikan teologi. Mereka membuka sekolah teologi untuk memberikan pendidikan agama kepada masyarakat tempatan di kawasan pedalaman. Sekolah Teologi Pertama Namaus (STP Namaus) dibuka di Kampung Bongkud, Ranau, dan bertujuan untuk memperdalam pengetahuan masyarakat Dusun mengenai ajaran Kristian. Sekolah ini kemudiannya berkembang menjadi Maktab Teologi Sabah (MTS) dan pada tahun 2007, telah dijenamakan semula menjadi *Borneo Theological Seminary* (BTS). Program diploma di BTS menawarkan pelbagai kursus yang meliputi Pengenalan Perjanjian Lama dan Baru, Sejarah Gereja, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Musik dan Pujian Penyembahan, Kristologi, Etika, dan banyak lagi, yang memberi peluang kepada masyarakat untuk mempelajari ajaran Kristian secara mendalam (Laman Rasmi Borneo Theological Seminary).

Semasa Persidangan Agung ke -7 SIB Sabah pada tahun 1992, Pastor Raymon Pangiran Dawat telah membentangkan kertas kerja mengenai penubuhan MTS. Pada tahun 2007, sekali lagi berlaku penjenamaan semula dalam institusi tersebut. MTS kini dikenali sebagai Borneo Theological Seminary (BTS). Antara subjek atau kursus yang ditawarkan bagi program diploma adalah Pengenalan Perjanjian Lama dan Baru, Pengenalan Sistematik Teologi, Sejarah Gereja, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Muzik dan Pujian Penyembahan, Kristologi dan Keselamatan, Pengenalan Teologi Pengembalaan, Hermeneutik, Sejarah Awal SIB, Pengenalan Bahasa Yunani, Kitab Injil Sinoptik dan Kisah Para

*Strategi dan Cabaran Mubaligh Sidang Injil Borneo (SIB) Dalam Dakwah Kristianisasi Masyarakat Dusun di Ranau (1937-1990)*

Rasul, Etika, Surat-Surat Paulus dan Yohanes, Eklesiologi dan Eksatologi, Agama-Agama Dunia, Pentadbiran dan Kepimpinan, Antropologi dan Lintas Budaya dan Pedagogi (Laman Rasmi Borneo Theological Seminary).



**Foto 2: Logo Borneo Theological Seminary**

Sumber: Laman Rasmi Borneo Theological Seminary

### **Cabaran Mubaligh SIB**

Usaha mubaligh Sidang Injil Borneo (SIB) dalam menyebarluaskan agama Kristian di Ranau tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang mempengaruhi kelancaran dakwah Kristianisasi.

#### **i. Penjajahan Jepun**

Penjajahan Jepun (1942-1945) memberi kesan besar kepada misi Kristianisasi di Ranau. Semua mubaligh ditangkap dan dihantar ke kem tahanan Batu Tiga (Jesselton), termasuk Asang, yang tinggal di bekas kandang kuda polis yang tidak selesa. Walaupun begitu, Asang memanfaatkan waktu dalam tahanan untuk mempelajari lebih lanjut tentang masyarakat Dusun daripada seorang paderi Katolik dari Tambunan (Elliot, 1997:22).

Selain itu, pusat misi SIB di Ranau musnah akibat tindakan Jepun menggunakan senjata berat, dan rumah-rumah mubaligh turut dihancurkan. Keadaan ini memaksa mubaligh membina semula struktur misi mereka selepas perang.

Mubaligh Kristian ditindas dan dihina melalui tindakan penjajah Jepun yang memberikan arahan kepada semua mubaligh untuk mengenakan pakaian yang tidak menutupi keseluruhan bawah tubuh mereka. Elliot menjelaskan hal ini di dalam tulisannya:

*"G-strings soon became the latest Kuching Fashion: when prisoners' clothes wore out, they were replaced with a piece of cloth that was two and a half feet long and a hand's breadth wide"*

Ekoran penjajahan Jepun, mubaligh telah kehilangan pusat misi yang telah didirikan di Ranau. Pusat misi tersebut telah dirosakkan oleh tentera Jepun dengan menggunakan senjata berat yang telah dibawa. Bukan itu sahaja, rumah yang telah dibina oleh mereka turut musnah untuk masyarakat tempatan juga telah musnah sepenuhnya.

### **ii. Keadaan Bentuk Muka Bumi**

Mubaligh SIB berhadapan dengan laluan dan perjalanan yang sukar dalam usaha mereka menyampaikan ajaran Kristian kepada penduduk peribumi dalam kalangan masyarakat Dusun di Ranau. Keadaan geografi atau bentuk muka bumi daerah Ranau adalah bergunung-ganang dan berbukit-bukau. Bagi memudahkan perjalanan, kadangkala mubaligh SIB akan menunggang kuda dari Jesselton untuk sampai ke Ranau. Namun, hal ini tetap mencabar kerana mereka perlu melalui beberapa perkampungan seperti Tamparuli, Togop, Dallas dan Kundasang. Tambahan lagi tempat ini kekurangan laluan kuda sehingga menyebabkan mubaligh melenceng menggunakan laluan lain dari Togop ke Kaung melalui Sungai Kedamaian (Tan Hwee, 2013:100). Tegasnya, laluan mubaligh ke Ranau sememangnya mencabar fizikal para mubaligh.

### **iii. Halangan bahasa**

Kekangan atau halangan dari aspek bahasa turut membatasi kegiatan dakwah oleh mubaligh Kristian kepada masyarakat Dusun di Ranau. Cabaran ini telah menuntut mubaligh SIB bagi mempelajari bahasa ibunda masyarakat sasaran mereka. Misalnya, Trevor White telah memperkasakan penguasaan bahasa Dusunnya semasa berada di dalam kem tahanan tentera Jepun. Seorang paderi Katolik telah mengajarnya bahasa Dusun sepanjang berada di dalam tahanan (Tan Hwee, 2013:58). Mubaligh lain seperti Stafford juga berhadapan dengan

cabaran yang sama. Stafford melakukan kunjungan ke Ranau sekali dalam sebulan. Ekoran daripada keterbatasannya untuk berkomunikasi dengan masyarakat Dusun, maka Rentian telah menjadi penterjemah bagi Stafford (Johnnatan, 2023:43). Kekangan ini menyebabkan Stafford menggunakan alat bantu seperti sekeping gambar apabila menyampaikan dan mengajar di dalam Sekolah Minggu (Sunday School).

#### **iv. Penyakit**

Sepanjang mubaligh SIB berada di Ranau untuk menyampaikan ajaran agama Kristian, tidak dapat dinafikan bahawa mereka juga berhadapan cabaran penyakit berjangkit. Bukan mubaligh sahaja yang berhadapan dengan penyakit ini, tetapi masyarakat tempatan juga menerima penyakit pada ketika itu. Trevor White dikatakan telah beberapa kali diserang malaria. Trevor menghadapi malaria pada tahun 1946 dan 1955 (Tan Hwee, 2013:160). Mubaligh yang bersama Trevor pada ketika itu berpandangan bahawa virus dalam tubuhnya cukup kuat sehingga ubat apa pun tidak lagi berkesan. Namun, Trevor didapati sembuh walaupun telah berhadapan dengan jangkitan malaria beberapa kali. Penyakit lain seperti dijangkiti cacing kerawit dan demam kepialu juga pernah menjangkiti Trevor sehingga membantutkan kegiatan dan tugasnya sebagai seorang mubaligh di Ranau.

#### **v. Cuaca**

Cuaca juga memainkan peranan dalam proses penyebaran agama Kristian di Ranau. Bagaimana cuaca mempengaruhi aktiviti mubaligh di Ranau? Keadaan hujan yang lebat semasa dakwah Kristianisasi berlangsung menyebabkan pergerakkan mubaligh terbatas dan mubaligh tidak dapat bertemu dengan masyarakat sasaran mereka. Tambahan lagi keadaan ini memberi impak negatif kepada kesihatan mubaligh. Mubaligh yang bernama Sam misalnya telah mengalami demam panas setelah terkena hujan dalam perjalannya ke Ranau untuk bersama-sama Trevor menyampaikan ajaran Kristian. Keadaannya memerlukannya untuk pergi ke hospital yang jauh daripada Ranau dan mengambil beberapa hari untuk sampai ke hospital. Namun begitu, Trevor yang memiliki latar belakang perubatan berjaya untuk merawat Sam tanpa ke hospital.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, didapati bahawa mubaligh SIB hadir ke Sabah melalui Sarawak. Pertapakan mereka di Sarawak telah membuka peluang kepada mubaligh SIB untuk menyebarkan ajaran Kristian di Sabah khususnya dalam kalangan masyarakat Dusun. Ekoran keadaan masyarakat Dusun yang masih berpegang kepada kepercayaan dan gaya hidup yang lama, maka mubaligh SIB mengambil pendekatan untuk memberikan didikan melalui beberapa strategi seperti mengajar lagi kerohanian dan membuka sekolah teologi yang bertujuan membawa masyarakat Dusun tahu membaca, menulis dan mengira. Walaubagaimapun, mubaligh SIB berhadapan dengan beberapa cabaran yang dilihat sedikit menyebabkan proses dakwah oleh mubaligh SIM terbantut dalam kalangan masyarakat Dusun di Ranau.

## Senarai Rujukan

### Jurnal dan Buku

- Ghazali Basri. (1999). *Gerakan Kristian*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juhirin Kantis. (2010). Sejarah Penanaman dan Pertumbuhan Gereja SIB Kawasan Ranau 1937-2007, Ranau: Gereja SIB Kawasan Ranau.
- Lees, S. (1993). Mabuk Sebelum Fajar: Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo, Lembaga Pustaka Sidang Injil Borneo bahagian Penerbitan.
- Mat Zin Mat Kib. (2003). *Kristian di Sabah 1881-1994*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McClymond, Michael. (2011). 'Mission and Evangelism'. dalam Gerald R. (ed). *The Oxford Handbook of Evangelical Theology*, Oxford Handbooks. Hlm. 341-354. Oxford Academic.
- Peter Elliott. (1997). *Asang: The Story of Trevor White and The Dusuns of Sabah*. Australia: Delia Wilson.
- Richard Sempuruh. (1999). Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo, Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing.
- Tan, H.Y. (2013). *Pergilah Timur*, Trevor White. Selangor: Upstream Publishing.

*Strategi dan Cabaran Mubaligh Sidang Injil Borneo (SIB) Dalam Dakwah Kristianisasi Masyarakat Dusun di Ranau (1937-1990)*

### **Tesis**

- Johnnatan Jolius. (2023). Peranan Mubaligh Sidang Injil Borneo (SIB) Dalam Perkembangan Sosial Masyarakat Dusun di Ranau 1937-1990. Universiti Malaysia Sabah. (Tidak Diterbitkan) (Tesis Sarjana Muda).
- Noreen Yakun. (2009). Sejarah Perkembangan Kristian Sidang Injil Borneo (SIB), di kalangan Masyarakat Dusun Ranau (1937-1990). Universiti Malaysia Sabah. (Tidak Diterbitkan) (Tesis Sarjana Muda).
- Richard Samporoh. (1992). Sidang Injil Borneo (SIB): A Study of the Establishment, Growth, Strengths, and Weaknesses. Malaysia Bible Seminary. (Tesis Sarjana Teologi) (Tidak Diterbitkan)
- Rooney, John. (1981). Good News: A History of the Catholic in East Malaysia and Brunei 1880- 1976, London: St. Joseph College.

### **Kertas Kerja**

- Biun, R. (1991). Sejarah Singkat Sidang Injil Borneo (1928-1991). Kertas Projek di Seminari Teologi Sabah, Kota Kinabalu.

### **Laman Sesawang**

- Laman Rasmi Borneo Theological Seminary. (t.t). Dipetik dari <https://btssib.com/>. Diakses pada 9 Ogos 2024

### **Video**

- White, Alan. (2018). Dokumentari : Asang@ John Trevor White in Ranau, British North Borneo (Sabah). Youtube. Dipetik dari [https://youtu.be/itZ1R8MF\\_eY](https://youtu.be/itZ1R8MF_eY) pada 9 Ogos 2024.

### **Temu Bual**

- Missah Yabis. 49 Tahun. Diakenis Gereja SIB Likas, Kota Kinabalu. 30 Ogos 2024.